



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	3/12/2012

Pengamal perubatan, Kementerian Kesihatan perlu kukuh kerjasama

BH - 3/12/2012

Kuala Lumpur: Pengamal perubatan Islam perlu memperkukuhkan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan ke arah memartabat dan memperkasakan amalan rawatan itu di negara ini.

Penaung Gabungan Persatuan Pengamal Pengubatan Islam Malaysia (GAPPIMA), Tun Abdullah Ahmad Badawi (**gambar**), berkata ia boleh dilakukan menerusi pertemuan dan perbincangan lebih kerap dengan kementerian bagi selesaikan keraguan berbangkit.

"Kita tidak mahu kekurangan perbincangan menye-

babkan timbul masalah seperti tidak faham atau tidak diterima mana-mana pihak.

Elak masalah berbangkit

"Inisiatif ini akan dapat mengelak masalah berbangkit seperti perubatan Islam tidak dimasukkan dalam Rang Undang-Undang Perubatan Tradisional dan Komplementari 2012 pada pembentangan bacaan kali pertama di Parlimen sebelum ini," katanya pada perasmian Kongres Pengubatan Islam Nusantara (KOPI) anjuran Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia

(Darussyifa'), GAPPIMA dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) buat julung kalinya di sini, semalam.

Hadir sama Pengasas dan Penasihat Darussyifa', Datuk Dr Haron Din; Presiden GAPPIMA, Mohd Fauzi Mustaffa dan Pemangku Pengarah Akademi Pengajian Islam UM, Profesor Datuk Yakub Mohd Yusoff.

Kongres beri pendedahan

Haron berkata, kongres itu memberi pendedahan kepada pengamal pengubatan Islam terhadap kepentingan mema-



hami ilmu serta membezakan pengubatan Islam sebenar.

"Penting bagi masyarakat, terutama pengamal perubatan tahu bahawa bukan semua pengamal yang menggunakan ayat al-Quran boleh dipercayai kerana tanpa disedari ilmu sihir juga menggunakan ayat berkenaan dalam kaedah salah," katanya.